

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [ KLANG ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai undang-undang dan dasar yang perlu dipinda atau diubahsuai di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan bagi mematuhi CPTPP. Adakah Kerajaan negeri/Kerajaan tempatan telah dimaklumkan tentang ISDS dan bersetujui untuk menyokong Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sejumlah 14 Akta perlu dipinda di peringkat Kerajaan Persekutuan, sebelum Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* atau CPTPP) boleh diratifikasi dan dikuatkuasakan oleh Malaysia. Pindaan tersebut bukan sahaja bagi mematuhi obligasi di bawah CPTPP, malahan juga dilihat amat penting dalam melaksanakan pembaharuan di peringkat domestik di samping memastikan undang-undang di Malaysia dikemaskini dan selaras dengan perjanjian serta norma-norma antarabangsa.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) Akta di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dibentang dan diluluskan di Parlimen yang mana kesemua Akta tersebut telah diselaraskan dengan mengambilkira komitmen

Malaysia di bawah Perjanjian CPTPP. Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
2. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;
3. Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966;
4. Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990;
5. Akta Perhubungan Perusahaan 1967; dan
6. Akta Cap Dagangan 1976.

Baki lapan (8) Akta yang masih perlu dipinda dan diluluskan di Parlimen adalah seperti berikut:

### **Kementerian Sumber Manusia**

1. Akta Kerja 1955;
2. Akta Kesatuan Sekerja 1959;
3. Ordinan Buruh (Sabah Bab 67);
4. Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76);

### **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

5. Akta Petunjuk Geografi 2000;
6. Akta Paten 1983;
7. Akta Hak Cipta 1987; dan

### **Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

8. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Beberapa perbincangan bersama Kementerian/Agensi yang bertanggungjawab ke atas Akta-akta tersebut telah diadakan dan berdasarkan pengesahan serta maklum balas yang diterima, proses pindaan terhadap kelapan-lapan Akta tersebut sedang berjalan lancar dan mengikut jadual yang ditetapkan yang mana Kerajaan menasarakan untuk meratifikasi Perjanjian CPTPP selewat-lewatnya pada suku ketiga tahun 2022.

Selain itu, MITI bersama Kementerian-kementerian lain yang berkaitan telah mengadakan sejumlah 50 sesi libat urus secara fizikal dan maya sejak 2019, bagi memastikan semua pihak yang berkepentingan memahami dengan jelas hak dan obligasi Malaysia di bawah Perjanjian CPTPP. Ini meliputi lebih daripada 3000 pemegang taruh dari pelbagai Kementerian dan Agensi Pusat, kesemua Kerajaan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisations* – NGO), Pertubuhan Masyarakat Sivil (*Civil Society Organisations* – CSO) dan sektor swasta yang terdiri daripada persatuan industri dan perdagangan serta Dewan Perniagaan. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari Kerajaan Negeri setakat ini, tiada keperluan untuk meminda atau mengubahsuai sebarang undang-undang dan dasar di peringkat Negeri dan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan Perjanjian CPTPP.

Semasa sesi libat urus tersebut, MITI telah membuat pembentangan khusus dan penjelasan terperinci berkenaan komitmen dan obligasi yang terdapat di bawah Bab Pelaburan Perjanjian CPTPP, termasuk berkaitan mekanisme *Investor-State Dispute Settlement* atau ISDS. MITI juga telah menjelaskan peruntukan yang memberi pengecualian dan fleksibiliti kepada Malaysia bagi melindungi ruang dasar Kerajaan termasuklah yang berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri, khususnya bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan, urusan tanah dan Syarikat Milik Kerajaan.

Kerajaan Persekutuan dan Negeri mempunyai hak yang jelas di bawah Bab Pelaburan untuk menentukan dasar dalam menetapkan tindakan pengawalseliaan yang tidak bersifat diskriminasi (*non-discriminatory regulatory action*) bagi memelihara kebajikan dan kepentingan awam seperti yang melibatkan kesihatan, alam sekitar dan keselamatan. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, Bab Pelaburan di bawah CPTPP, khususnya mekanisme ISDS, tidak menyekat kuasa dan hak Kerajaan dalam melaksanakan peraturan dan undang-undang bagi tujuan kepentingan negara dan rakyat.

Kerajaan Negeri juga telah dimaklumkan bahawa mekanisme ISDS di bawah CPTPP turut memberi ruang kepada pelabur dari Malaysia untuk menuntut pampasan daripada Kerajaan negara anggota CPTPP sekiranya mereka terkesan akibat tindakan yang tidak adil oleh Kerajaan

tersebut. Sebagai contoh, Syarikat Milik Kerajaan Negeri yang melabur di negara anggota CPTPP boleh menggunakan peruntukan ISDS bagi mempertahankan pelaburan mereka sekiranya terdapat sebarang pelanggaran kontrak atau obligasi oleh negara tuan rumah.

MITI telah menerima maklum balas yang amat positif melalui kesemua sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri di mana mereka menyatakan keyakinan bahawa pelaksanaan CPTPP ini akan membawa manfaat ekonomi dan pulangan pelaburan yang signifikan kepada negeri-negeri berkenaan. Malah, Kerajaan Negeri Johor, Perlis, Negeri Sembilan dan Melaka telah menzahirkan sokongan dan persetujuan secara bertulis bagi Malaysia meratifikasi Perjanjian CPTPP. Kerajaan Negeri Sabah dan Pahang juga telah menyatakan kesediaan untuk terus menyokong usaha-usaha galakan perdagangan dan pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan, termasuk melalui Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreements* atau FTAs) seperti CPTPP.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MITI sedang dalam proses mendapatkan maklum balas secara bertulis daripada kesemua Kerajaan Negeri berhubung Perjanjian CPTPP. Melalui maklum balas tersebut kelak, MITI akan membentangkan satu Memorandum Jemaah Menteri bagi mendapatkan mandat yang lebih jelas dan terperinci untuk Malaysia meratifikasi Perjanjian CPTPP.

Dalam hal ini, adalah amat penting bagi kesemua pihak, termasuk Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk memahami obligasi serta fleksibiliti yang ditawarkan di bawah Perjanjian CPTPP agar Malaysia mendapat faedah yang optimum daripada Perjanjian tersebut. Sesi libat urus yang dijalankan bukan sahaja memastikan keterangkuman dan ketelusan, tetapi juga membolehkan MITI mendapat maklumbalas serta pandangan yang komprehensif dari semua pihak, terutamanya dari Kerajaan Negeri.